

Untuk siaran segera

PROLINTAS LANCAR #CONTACTLAHKAMI BAGI PEMBANGUNAN PROJEK LEBUH RAYA SUKE DAN DASH

KUALA LUMPUR, 17 Mac 2017- Orang ramai kini boleh berhubung secara terus dan lebih mudah dengan syarikat-syarikat yang sedang membina Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang (Suke) dan Lebuhraya Bertingkat Damansara - Shah Alam (DASH) apabila pelbagai saluran komunikasi, termasuklah perkhidmatan van bergerak untuk kedua-dua lebuhraya ini dilancarkan oleh syarikat induk mereka, Projek Lintasan Kota Holdings Sdn Bhd (PROLINTAS) hari ini.

Melalui kempen *#contactlahkami* ini, PROLINTAS sekali lagi memperkukuhkan komitmennya untuk mendekati masyarakat serta merapatkan lagi hubungan mereka dengan orang ramai, bukan sahaja sewaktu pembinaan Suke dan DASH, tetapi untuk jangka masa yang panjang.

“Ini selaras dengan falsafah Kumpulan Syarikat PROLINTAS yang beroperasi berdasarkan DNA yang mengutamakan kualiti, teknologi dan tanggungjawab kepada rakyat dalam memajukan projek-projek infrastruktur. Orang ramai, terutamanya komuniti di sepanjang jajaran lebuhraya – lebuhraya di bawah kumpulan ini, adalah keutamaan kami,” ujar YBhg Dato’ Mohammad Azlan Abdullah, Ketua Eksekutif Kumpulan.

Beliau yang baharu memegang jawatan sebagai Ketua Eksekutif Kumpulan PROLINTAS, telah melancarkan saluran komunikasi *#contactlahkami* bersama YBhg Datuk Ir. Hj Ismail bin Md Salleh, Ketua Pengarah, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), di Pejabat Operasi Suke.

Datuk Ir. Hj Ismail turut memberi taklimat mengenai saluran-saluran yang disediakan. Majlis tersebut turut disertai oleh ketua-ketua syarikat konsesi lebuhraya Malaysia, pihak pengurusan LLM dan PROLINTAS.

Dalam ucapannya, Ketua Pengarah LLM itu memuji dan menyambut baik usaha yang dilakukan oleh PROLINTAS terutamanya dengan penyediaan dua buah van yang berperanan sebagai *Customer Service Mobile Kiosk* yang bakal menjadi pusat informasi bergerak di kedua-dua kawasan projek Suke dan DASH.

“Orang ramai boleh berhubung secara terus dengan kakitangan yang mengendalikan kenderaan-kenderaan ini sekiranya ingin membuat aduan atau untuk mendapatkan maklumat berkenaan projek-projek lebuh raya tersebut. Saya percaya cara ini akan menjadi satu tanda aras atau *benchmark* dalam inisiatif mendekatkan lagi pemaju sesuatu projek dengan masyarakat, bukan sahaja untuk sektor pembinaan lebuh raya di Malaysia, tetapi juga untuk sektor-sektor lain”.

“Inisiatif yang dilakukan oleh PROLINTAS ini merupakan yang pertama dilaksanakan oleh syarikat konsesi dalam membangunkan projek pembinaan lebuh raya. Tahniah saya ucapkan kepada PROLINTAS khasnya SUKE dan DASH atas langkah proaktif mereka mewujudkan saluran komunikasi yang saya percaya amat mesra rakyat. Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) amat menitikberatkan pendekatan ini yang semuanya bersangkutan paut dengan usaha untuk menambahkan keyakinan rakyat kepada kebaikan projek lebuh raya yang kita bangunkan demi kepentingan rakyat dan negara”, kata beliau.

“Secara terperinci, SUKE dan DASH menyediakan talian hotline, facebook, twitter, e-mel, laman web dan aplikasi mudah alih yang boleh dimuat turun dari Google Play dan App Store,” tambah Datuk Ir. Hj Ismail.

Sementara itu, Dato’ Mohammad Azlan berkata SUKE dan DASH sememangnya sentiasa peka dengan segala maklum balas yang diberikan oleh orang ramai semenjak dari awal perancangannya lagi. Ini dibuktikan dengan sesi perjumpaan dengan masyarakat setempat (*engagement*) yang telah dijalankan semenjak beberapa tahun yang lalu.

“Sesi perjumpaan atau *engagement* telah dilakukan dengan pelbagai pihak semenjak dari peringkat perancangan projek lagi. Usaha ini masih lagi diteruskan sehingga kini dan dengan kewujudan saluran komunikasi yang terbuka dan senang dicapai oleh masyarakat ini, akan membolehkan masyarakat mendapat maklumat yang diperlukan dengan pantas,” katanya.

SUKE merupakan lebuh raya dua hala dengan tiga lorong, dengan jarak 24.6 kilometer, bermula di Sri Petaling dan berakhir di Hulu Kelang. DASH pula, ia adalah lebuh raya dua hala dengan tiga lorong, sepanjang 20.1 kilometer yang bermula di Puncak Perdana U10 Shah Alam dan berakhir di Persimpangan Penchala. Kerja-kerja pembinaan kedua-dua lebuh raya ini dijangka akan mengambil masa selama

empat tahun, di mana kerja-kerja awal pembinaan telah bermula pada akhir tahun 2016 dan dijangka siap pada tahun 2020.

- Tamat -

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Encik Mohd Ramali Abu Bakar
Pengurus Besar, Divisyen Komunikasi Korporat di 03 - 2164 2450**

Projek Lintasan Kota Holdings Sdn Bhd (PROLINTAS) sebuah syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB). Ia merupakan pemegang konsesi Lebuhraya Bertingkat Ampang-Kuala Lumpur (AKLEH), Lebuhraya Koridor Guthrie (GCE) dan Lebuhraya Kemuning-Shah Alam (LKSA) melalui anak-anak syarikatnya. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web kami di www.prolintas.com.my.